

Graduan perlu keluar daripada **zon selesa**



RAMAI BERANGGAPAN KERJAYA SAINS SOSIAL HANYA TERTUMPU DALAM BIDANG PENGIKLANAN, KEWARTAWANAN DAN PERHUBUNGAN AWAM, HAKIKATNYA, PERKARA ITU SUDAH MENGALAMI TRANSFORMASI APABILA GRADUANNYA MAMPU MENERJAH PELUANG PEKERJAAN DALAM TEKNOLOGI DAN INOVASI”

Rio Iskandar Jasman,
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu, UniMAP



Graduan sains sosial perlu bijak memasarkan diri di alam pekerjaan.

BH 3024 Mac 2016 v2

► Dari muka 1

Katanya, graduan perlu keluar daripada zon selesa dengan mengikuti program ilmiah adalah langkah terbaik bagi membentuk sikap profesional serta menjadikan apa yang dipelajari sebagai amalan.

“Kemajuan dalam aspek pembangunan infrastruktur saja tidak cukup untuk mencapai status negara maju, andai cara berfikir tidak turut membangun kerana kita akan mempunyai frasarana kelas pertama, tetapi mentaliti masih di kelas ketiga, justeru sains sosial sama penting bagi

membentuk pemikiran berkelas pertama.

“Jika graduan sains sosial mempunyai kemahiran yang berkualiti dalam bidangnya, tentu saja kebolehpasaran mereka terjamin, biar pun diakui bukan mudah untuk menguasai kemahiran berkenaan.

“Jadi, dengan mengasah kemahiran sedia ada, Insya-Allah tidak mustahil permintaan terhadap graduan sains sosial akan terus meningkat,” katanya.

Tingkah laku

Presiden Persatuan Mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia (UPM), Iylia Mardhiana Mohamed Fauad, berkata kelebihan mahasiswa sains sosial dalam asas pengetahuan dalam komunikasi, penyelesaian masalah dan pemikiran kritis dalam pembelajaran sains sosial mampu digunakan dalam pelbagai bidang kerja termasuk bidang teknologi.

Katanya, kebanyakan pembelajaran sains sosial lebih menjuruskan pemahaman tingkah laku manusia seperti cara untuk berkomunikasi dan menguruskan pentadbiran keorganisasian.

“Pembelajaran sains sosial banyak memba-

bitkan penambahbaikan kepada individu mahupun masyarakat umum kerana kejayaan sesuatu teknologi boleh diukur berdasarkan ilmu pembentukan sosial yang positif terlebih dahulu.

“Ilmu sosial dalam pembangunan sahsiah masyarakat masih lagi diperlukan untuk mengkaji dan memahami respons tingkah laku sosial terhadap isu akibat pembangunan teknologi.

“Ternyata, kebolehpasaran graduan sains sosial akan terus meningkat sejurus dengan perkembangan teknologi dalam era permôdenan ini,” katanya.